



## TERMA & SYARAT PROGRAM INSENTIF RAWATAN TIBI

---

### 1. Kelayakan Pemohon

- a) Warganegara Malaysia yang bermastautin di Selangor.
- b) Sedang mendapat rawatan tibi di hospital & klinik kesihatan kerajaan / pusat rawatan swasta di Negeri Selangor atau Institut Perubatan Respiratori.

### 2. Cara Memohon

- a) Pemohon memuat turun borang permohonan di laman web [www.selangorprihatin.com](http://www.selangorprihatin.com)
- b) Pemohon melengkapkan borang permohonan dan dokumen-dokumen yang diperlukan
- c) Pemohon memuat naik borang permohonan dan dokumen yang lengkap ke email [gl@selcare.my](mailto:gl@selcare.my)

### 3. Perakuan Pemohon

- a) Pemohon hendaklah memastikan segala keterangan dan dokumen yang dikemukakan adalah benar, sahih dan tepat. Pihak Kerajaan Negeri berhak membatalkan permohonan sekiranya didapati maklumat dan dokumen yang dikemukakan adalah tidak benar atau melanggar syarat permohonan.

### 4. Tempoh Permohonan/ Penyaluran

- a) Permohonan boleh dilakukan bermula 18 Mei 2020 sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.
- b) Penyaluran insentif akan disalurkan sebanyak tiga (3) kali bergantung kepada fasa rawatan seperti berikut:
  - i. Fasa Pendaftaran – RM200
  - ii. Fasa Rawatan Intensif (Selepas tempoh dua(2) bulan daripada pendaftaran) – RM200
  - iii. Fasa *Maintenance* sehingga tamat rawatan – RM400

### 5. Pertanyaan

- a) Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan bermula 18 Mei 2020 seperti berikut di talian 1-800-22-6600 (24 jam)

### **SOALAN-SOALAN LAZIM**

1. **Soalan:** Saya dilahirkan di luar Selangor namun mendapat rawatan tibi di hospital atau klinik kesihatan kerajaan/pusat perubatan swasta berdaftar di Negeri Selangor atau Institut Perubatan Respiratori. Adakah saya layak memohon?

**Jawapan:** Layak. Pemohon yang lahir di luar Selangor namun mendapat rawatan di hospital atau klinik kerajaan/pusat perubatan swasta berdaftar dalam Negeri Selangor atau Institut Perubatan Respiratori layak memohon dengan syarat hendaklah bermastautin di Negeri Selangor.

2. **Soalan:** Saya baru sahaja bermastautin di Negeri Selangor kurang daripada lima (5) tahun. Adakah saya layak memohon?

**Jawapan:** Layak, namun hendaklah mendapat rawatan tibi di hospital atau klinik kesihatan kerajaan/ pusat perubatan swasta berdaftar di Negeri Selangor atau Institut Perubatan Respiratori.

3. **Soalan:** Saya disahkan positif penyakit tibi namun tidak mendapat rawatan di hospital. Adakah saya layak?

**Jawapan:** Tidak layak. Pemohon hendaklah disahkan positif dan sedang aktif mendapatkan rawatan tibi di pusat perubatan berdaftar sebagaimana syarat yang ditetapkan.

4. **Soalan:** Saya telah mendapat bayaran permulaan sebanyak RM200 namun, saya telah terlepas beberapa kali siri rawatan di hospital. Adakah saya layak mendapat insentif seterusnya?

**Jawapan:** Tidak layak. Pemohon hendaklah menamatkan kesemua rawatan pada dua (2) bulan pertama selepas permohonan bagi melayakkan mendapat insentif seterusnya. Insentif akan dihentikan sekiranya pesakit gagal menamatkan rawatan.

5. **Soalan:** Pada fasa pertama rawatan, saya masih lagi dirawat di hospital di Negeri Selangor namun telah berpindah ke negeri lain dan meneruskan rawatan di negeri tersebut. Adakah saya layak mendapat insentif seterusnya?

**Jawapan:** Tidak layak. Pemohon hendaklah bermastautin di Negeri Selangor dan mendapat rawatan di Negeri Selangor atau Institut Perubatan Respiratori.

6. **Soalan:** Rawatan tibi saya telah melebihi enam (6) bulan namun saya masih lagi meneruskan rawatan. Adakah saya layak mendapat insentif terakhir?

**Jawapan:** Masih layak dengan syarat mematuhi fasa rawatan seperti yang ditetapkan oleh pusat perubatan yang merawat dan menamatkan rawatan.

7. **Soalan:** Ketika pendaftaran program ini saya telah memasuki fasa terakhir rawatan tibi. Adakah saya layak untuk mendapat insentif fasa pertama dan kedua?

**Jawapan:** Pemohon layak mendapat bayaran insentif fasa 1 dan fasa 2 dengan syarat fasa tersebut telah disahkan oleh Pegawai Perubatan yang merawat. Fasa ketiga akan diperolehi selepas pesakit menamatkan rawatan.

8. **Soalan:** Sekiranya Borang Permohonan Insentif Rawatan Tibi saya hilang, apakah yang patut dilakukan?

**Jawapan:** Salinan Borang Permohonan Insentif Rawatan Tibi akan dibuat oleh Selcare Management Sdn Bhd namun, pemohon dinasihatkan untuk menyimpan bersama borang tersebut bersama buku log perubatan penyakit tibi (TB1S 10E) untuk semakan dan memudahkan pembayaran insentif.

9. **Soalan:** Bagaimana boleh saya ajukan sebarang pertanyaan?

**Jawapan:** Pertanyaan boleh dikemukakan bermula 18 Mei 2020 dengan menghubungi talian 1-800-22-6600 (24 jam).